

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	09 APRIL 2017

# Dr. M tidak faham Barakah

um- 9/4/2017

**ALOR SETAR 8 April** - Skim Bantuan Rakyat Kedah (Barakah) yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri sejak 14 April tahun lalu bukannya 'gula-gula' untuk diberikan kepada rakyat seperti didakwa Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Pemuda UMNO negeri, Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin berkata, skim tersebut sebaliknya adalah usaha menyeluruh dijalankan kerajaan negeri bagi menyelaraskan setiap bantuan yang disalurkan pelbagai pihak kepada golongan sasaran agar tidak berlaku pertindihan.

"Bagi saya, Dr. Mahathir sebenarnya terkeliru apabila membuat kenyataan

kononnya kotak makanan Barakah adalah satu-satunya pemberian kerajaan negeri kepada penduduk di negeri ini sama ada di Pulau Tuba, Langkawi dan kawasan-kawasan lain.

"Hakikatnya Barakah mempunyai lima komponen yang disesuaikan dengan kumpulan sasaran termasuk Barakah Anak Muda yang mana sebanyak RM2 juta disalurkan dalam tempoh setahun ini bagi membiayai pelbagai program seperti Internship Mahasiswa Anak



**SHAIFUL HAZIZY  
ZAINOL ABIDIN**

Negeri (Iman), penubuhan Akademi Datuk Ahmad Basri (ADAB) bagi mencari pelapis skuad bola sepak serta insentif pengurusan persatuan mahasiswa," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.